

Tel. : 088-369965/369971

Faks : 088-211016/422113



PEJABAT
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
Jabatan Ketua Menteri
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)
Aras 28, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia

Rujukan : JKM.100-4/62

Tarikh : 26 Mac 2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah / Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

PELANJUTAN TEMPOH ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DAN PENUTUPAN PREMIS KERAJAAN DILANJUTKAN SEHINGGA 14 APRIL 2020

Dengan hormatnya, saya merujuk Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 25 Mac 2020 mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilanjutkan hingga 14 April 2020 berikutan terdapat kes positif COVID-19 yang baharu masih berlaku dan dijangka akan berterusan untuk beberapa ketika sebelum kes-kes baharu mula menurun.

3. Oleh yang demikian, surat arahan bekerja dari rumah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan premis kerajaan yang dikeluarkan melalui JKM.100-4/62 bertarikh 17 Mac 2020 masih berkuatkuasa **sehingga 14 April 2020**.

4. Sila keluarkan **surat arahan lanjutan** kepada mana-mana penjawat awam yang dikehendaki bertugas di pejabat atau di lapangan dengan mengemukakan sesalinan ke pejabat ini. Penjawat awam tersebut hendaklah sentiasa membawa surat arahan lanjutan bertugas.

5. Arahan ini berkuatkuasa dengan **SERTA-MERTA**.

Sekian.

'BERKHIMDAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'

(DATUK HAJI SAFAR BIN UNTONG)
Setiausaha Kerajaan Negeri

JATI DIRI PENGGERAK WAWASAN